

# 'Belum masanya untuk longgar SOP'

Saranan pakar kesihatan walaupun kes harian Covid-19 rekod angka bawah 4,000

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

MEDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
APA TINDAKAN  
**KITA?**

**P**akar kesihatan berpendapat kerajaan tidak perlu melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) walaupun kes harian Covid-19 merekodkan angka 4,000 ke bawah.

Pakar Kesihatan Persekitaran Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, jika kes harian Covid-19 tidak menunjukkan penurunan secara berterusan amat tidak wajar untuk melonggarkan SOP yang ditetapkan.

Menurutnya, kerajaan perlu melihat trend penurunan tersebut dalam jangka panjang atau sekurang-kurangnya dua minggu.

"Kes itu bukan gambaran



DR HALIZA

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan kerajaan akan menilai semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilaksanakan sejak 1 Jun lalu sekiranya jangkitan harian Covid-19 direkodkan pada angka 4,000 kes di negara ini.

Beliau berkata, penilaian semula itu bukan bermaksud menamatkan PKP 3.0

boleh terus melonggarkan SOP walaupun menurun kepada 4,000. Kita perlu tengok jangka masa panjang. Paling kurang dua minggu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada Ahad, Menteri Kanan (Keselamatan),

sebaliknya lebih kepada kelonggaran SOP.

Mengulas lanjut, Dr Haliza berkata, kerajaan juga perlu mengambil kira jumlah penerima vaksin ketika ini sama ada ia sudah mencapai imuniti kelompok atau sebaliknya.

Ujarnya, kerajaan boleh melonggarkan SOP jika ia sudah mencapai

separuh daripada jumlah keseluruhan imuniti kelompok di negara.

"Kerajaan menyasarkan 80 peratus dan setakat ini kita ada 26 juta penerima yang layak. Jadi, separuh daripada jumlah ini sudah diberi suntikan Covid-19," katanya.

Tambah Dr Haliza, agak sukar untuk menunjukkan pola penurunan berterusan ketika ini kerana banyak kes melibatkan kluster tempat kerja.

Menurut beliau, lebih daripada 60 kes direkodkan ditambah pula dengan kluster perayaan.

Sehubungan itu, beliau berpendapat kerajaan wajar menimbang keputusan melonggarkan SOP pada Ogos kerana bulan Jun dan Julai tidak dapat mencerminkan situasi sebenar.



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.